

CNS3127

U GB 04-08 00168 BA802

aab

Mahathir - Brunei ''''

.. KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Sultan Hassanah Bolkihah dari Brunei berminat untuk melabur dalam bidang hartanah di Kuala Lumpur, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Baginda mempunyai minat yang positif untuk melabur dalam bidang hartanah di Kuala Lumpur, + katanya kepada pemberita di Stesen Tentera Udara Diraja Malaysia di Sungai Besi di sini sekembalinya dari lawatan tidak rasmi dua hari ke Brunei.

Semasa ditanya sama ada pelaburan itu akan dibuat oleh Baginda sendiri atau kerajaan Brunei, beliau berkata itu terpulang kepada pihak Brunei untuk menentukan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa semasa di Brunei beliau mengadakan perbincangan dengan baginda Sultan mengenai isu-isu khusus dan keadaan semasa, termasuk hal-hal pergarisan dan pengukuran sempadan antara kedua-dua negara.

Dalam perbincangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga menyampaikan jemputan kepada Sultan Brunei untuk melakukan lawatan rasmi ke Malaysia. Jemputan itu ialah bagi pihak Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah. -- Lagi

♥04/08/18-56MST

CNS3128

U GB 04-08 00094 BA803

aab

Mahathir - Brunei 2 Kuala Lumpur ''''

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau juga dijemput untuk melakukan lawatan rasmi ke Brunei.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri diiringi oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan rombongan 10 orang pegawai.

Dalam perbincangan di Istana Nurul Iman di sini semalam, Datuk Seri Dr Mahathir disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Brunei, Datuk Mustaffa Mohamad dan Ketua Pengarah Hal Ehwal Asia Tenggara dan Pasifik Selatan di Kementerian Luar, Datuk Yahya Baba. -- Bernama

♥04/08/18-59MST